

**KOMPETENSI KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA DAN PRESTASI  
KERJA DALAM KALANGAN KAKITANGAN SEKOLAH PENGAJIAN  
SISWAZAH**

**FARAHANA BINTI MISNI**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**KOMPETENSI KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA DAN PRESTASI  
KERJA DALAM KALANGAN KAKITANGAN SEKOLAH PENGAJIAN  
SISWAZAH**

**FARAHANA BINTI MISNI**

**Projek Sarjana ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia)**

**Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia  
Universiti Teknologi Malaysia**

**Ogos, 2014**

*Dedikasi*

KepadaMu Ya Rabb,

HambaMu memanjat manisan kesyukuran,

Kepada ibu yang ku kasihi dan ku sanjungi,

Puan Masriah Binti Mahat,

Moga ibu sentiasa berada dalam rahmat yang Maha Esa,

Jasa dan pengorbananmu sukar dibalas dengan harta dan kekayaan,

Aku bersyukur dengan hamparan anugerah ini,

Agar hidup dihembusi redha Ilahi,

Sekuntum kasih buat pensyarahku,

Dr Hashim Fauzy Bin Yaacob,

Ilmu yang diberikan akan ku bawa hingga ke akhirnya,

Terima kasih buatmu.

Buat rakan-rakan di UTM yang sama membantu,

Tiada kejayaan semanis madu tanpa usaha sepahit hempedu,

Teruskan usaha bagi mencapai apa yang diimpikan,

Kesetiaan kalian tak dapat ku ungkap dengan kata-kata,

Sekilau cahaya keriangannya akan sentiasa mendampingi kita.

Ya Rabb,

Kau rapatkanlah saf persahabatan dan ukhwah ini,

Agar ia kekal hingga ke Jannah.

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum, dengan setulus hati penghargaan ini khas buat insan yang dihargai dan hormati iaitu Dr Hashim Fauzy Bin Yaacob selaku penyelia yang telah banyak membantu dalam menjalankan tugas beliau dengan penuh tanggungjawab terhadap anak didikannya dalam menyiapkan kajian ini dengan baik.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada ibu saya yang sentiasa mendoakan saya agar memberikan yang terbaik dalam sepanjang pengajian saya dan memberikan sokongan sepenuhnya ketika menyiapkan kajian ini. Dan ucapan terima kasih ditujukan buat rakan-rakan seperjuangan terutamanya Mohammad Afrasiabi yang banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian ini.

Selanjutnya ucapan terima kasih juga kepada pihak pentadbiran dan juga kakitangan Fakulti Pengurusan (FP) dan pihak pengurusan Sekolah Pengajian Siswazah kerana memberikan kerjasama yang sepenuhnya bagi membantu menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali penghargaan juga turut diberikan buat semua individu dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung didalam proses melaksanakan kajian ini. Semoga kajian ini mampu memanfaatkan semua.

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara kompetensi komunikasi antara budaya dan prestasi kerja dalam kalangan kakitangan SPS di lima universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia. Responden kajian terdiri daripada 108 orang. Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A (demografi), bahagian B (kompetensi komunikasi antara budaya) dan bahagian C (prestasi kerja). Instrumen yang digunakan bagi mengukur kompetensi komunikasi antara budaya adalah soal selidik yang dikemukakan oleh Hashim Fauzy (2008). Manakala prestasi kerja menggunakan soal selidik yang diadaptasi berpandukan soal selidik yang digunakan berdasarkan Model Sistem Interaksi Terhadap Prestasi Waldman (1994). Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif (min dan peratus) dan statistik inferensi (korelasi Pearson dan regresi). Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kompetensi komunikasi antara budaya dalam kalangan kakitangan SPS berada di tahap yang sederhana manakala tahap prestasi kerja berada di tahap yang tinggi. Ujian regresi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kompetensi komunikasi antara budaya dengan prestasi kerja. Daripada tiga dimensi kompetensi komunikasi antara budaya, dimensi motivasi yang paling dominan menyumbang kepada prestasi kerja. Dalam kajian ini beberapa cadangan juga telah dikemukakan untuk pengkaji akan datang supaya skop kajian diperluaskan dan menggunakan model dan teori yang berlainan. Manakala bagi pihak universiti dicadangkan memberikan pendedahan yang lebih tentang kompetensi komunikasi antara budaya yang diperlukan oleh kakitangan dalam menjalankan tugas.

## ABSTRACT

This study aims to identify the relationship between intercultural communication competence and job performance among employees of Graduate School in research universities in Malaysia. The respondents consisted of 108 respondents. Data were collected using a questionnaire consisting of three parts, part A (demographics), part B (intercultural communication competence), and part C (job performance). The instrument used to measure the intercultural communication competence is a questionnaire developed by Hashim Fauzy (2008). While for the job performance's questionnaire it is adapted based on questionnaires used on Interaction System Performance Model Waldman (1994). Data collected analyzed using descriptive statistics (mean and percentage) and inferential statistics (regression). The results showed that the level of intercultural communication competence is at the average level, while the level of performance at a high level. In addition, Regression analysis showed a significant relationship between intercultural communication competence and job performance. From the three dimensions of intercultural communication competence, motivation is the most dominant dimensions contribute to job performance. In this study, several suggestions have been made for future researchers to extend the scope of the study and using different models and theories. While for the university is proposed to give more exposure about intercultural communication competencies needed by employees in performing their duties.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvii</b>
	<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>xviii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xix</b>
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Latar Belakang Organisasi	6
	1.4 Pernyataan Masalah	7
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Objektif Kajian	12
	1.7 Kepentingan Kajian	13
	1.8 Skop Kajian	15

1.9	Definisi Konseptual dan Operasional	16
1.9.1	Definisi Konseptual	16
1.9.1.1	Kompetensi Komunikasi Antara Budaya	16
1.9.1.2	Prestasi Kerja	17
1.9.2	Definisi Operasional	17
1.9.2.1	Kompetensi Komunikasi Antara Budaya	17
1.9.2.2	Prestasi Kerja	22
1.10	Kesimpulan	22
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>23</b>
2.1	Pengenalan	23
2.2	Kompetensi Komunikasi Antara Budaya	23
2.2.1	Teori Kompetensi Komunikasi Antara Budaya	35
2.2.1.1	Teori Pengurusan Ketidakpastian /Kebimbangan Gundykunst (1995)	35
2.2.2	Model Komunikasi	43
2.2.2.1	Model Imahori dan Lanigan (1989)	43
2.3	Prestasi Kerja	46
2.3.1	Model Prestasi Kerja Waldman (1994)	48
2.4	Kajian Lepas	50
2.5	Kerangka Kajian	54
2.6	Hipotesis Kajian	55
2.7	Rumusan Bab	55
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>56</b>
3.1	Pengenalan	56



3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Lokasi Kajian	57
3.4	Populasi Kajian dan Kaedah Persampelan	58
3.5	Instrumen Kajian	59
3.5.1	Bahagian A: Maklumat Demografi	60
3.5.2	Bahagian B: Kompetensi Komunikasi Antara Budaya	60
3.5.3	Bahagian C: Prestasi Kerja	61
3.5.4	Pembahagian Item Positif dan Negatif	61
3.6	Keandalan dan Kesahan	62
3.7	Kajian Rintis	64
3.7.1	Kebolehpercayaan ( <i>Reliability</i> )	65
3.7.1.1	Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam	65
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	66
3.9	Kaedah Analisis Data	67
3.9.1	Statistik Deskriptif	67
3.9.2	Ujian Ke atas Data	68
3.9.2.1	Ujian Taburan Normal ( <i>Normality</i> )	68
3.9.2.2	Ujian Multikolineariti ( <i>Multicollinearity</i> )	69
3.9.3	Statistik Inferensi	70
3.9.3.1	Ujian Regresi	70
4.0	Kesimpulan	72
<b>4</b>	<b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>73</b>
4.1	Pengenalan	73
4.2	Latar Belakang Responden	73
4.3	Tahap kompetensi Komunikasi Antara Budaya Kakitangan SPS	76

4.3.1	Taburan dan Min Kompetensi Komunikasi Antara Budaya	77
4.3.2	Tahap Berdasarkan Dimensi	77
4.3.2.1	Dimensi Pengetahuan	77
4.3.2.2	Dimensi Motivasi	81
4.3.2.3	Dimensi Kemahiran	86
4.4	Tahap Prestasi Kerja Kakitangan SPS	94
4.5	Hubungan Antara Kompetensi Komunikasi Antara Budaya dengan Prestasi Kerja	98
4.6	Sumbangan Dimensi Kompetensi Komunikasi Antara Budaya Terhadap Prestasi Kerja	100
4.7	Kesimpulan	100
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>101</b>
5.1	Pengenalan	101
5.2	Kesimpulan	101
5.2.1	Perbincangan Taburan Demografi Responden	102
5.2.2	Objektif 1: Tahap kompetensi komunikasi antara budaya kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia.	103
5.2.3	Objektif 2: Tahap prestasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia.	105
5.2.4	Objektif 3: Hubungan antara kompetensi komunikasi antara budaya dengan prestasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia.	105
5.2.5	Objektif 4: Dimensi pengetahuan memberi	106

	sumbangan kepada pretasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia.	
5.2.6	Objektif 5: Dimensi motivasi memberi sumbangan kepada pretasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia.	107
5.2.7	Objektif 6: Dimensi kemahiran memberi sumbangan kepada pretasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia.	107
5.3	Batasan Kajian	108
5.4	Cadangan	109
5.4.1	Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	109
5.4.2	Cadangan Kepada Organisasi/Pihak Universiti	111
5.5	Kesimpulan	112
	<b>RUJUKAN</b>	114-137
	<b>LAMPIRAN</b>	138-146

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1.1	Unjuran Enrolmen Pelajar Antarabangsa di IPTA dari tahun 2009 hingga 2012	8
3.1	Sampel Kajian	59
3.2	Bahagian Dan Taburan Item Dalam Soal Selidik	60
3.3	Pembahagian Item Berbentuk Positif Dan Negatif	62
3.4	Penjelasan Nilai Cronbach's Alpha	64
3.5	Dapatan Kajian Rintis	65
3.6	Tahap Dan Selang Skala Min	68
3.7	Dapatan Collineariti	70
3.8	Guilford's Rule of Thumb	71
4.1	Dapatan Demografi Berdasarkan Kekerapan dan Peratusan	75
4.2	Taburan dan Min Kompetensi Komunikasi Antara Budaya	76
4.3	Statistik Deskriptif Kompetensi Komunikasi Antara Budaya	77
4.4	Statistik Deskriptif Dimensi Pengetahuan (Pengetahuan Tentang Bahasa)	79
4.5	Statistik Deskriptif Dimensi Pengetahuan (Pengetahuan Tentang Budaya Umum)	80
4.6	Statistik Deskriptif Pengetahuan	81
4.7	Statistik Deskriptif Dimensi Motivasi	82

	(Kehendak Interaksi)	
4.8	Statistik Deskriptif Dimensi Motivasi (Kehendak Menghadapi Perbezaan)	84
4.9	Statistik Deskriptif Dimensi Motivasi (Kehendak Menghadapi Stress)	85
4.10	Statistik Deskriptif Motivasi	86
4.11	Statistik Deskriptif Dimensi Kemahiran (Mengurus Interaksi)	87
4.12	Statistik Deskriptif Dimensi Kemahiran (Toleransi Dengan Kesamaran)	89
4.13	Statistik Deskriptif Dimensi Kemahiran (Kemahiran Lisan dan Bukan Lisan)	90
4.14	Statistik Deskriptif Dimensi Kemahiran (Akomodasi Tingkah Laku)	92
4.15	Statistik Deskriptif Dimensi Kemahiran (Menghadapi Konflik)	93
4.16	Statistik Deskriptif Kemahiran	94
4.17	Taburan dan Min Prestasi Kerja	95
4.18	Statistik Deskriptif Prestasi Kerja	96
4.19	Ujian Regresi Sumbangan Dimensi Kompetensi Komunikasi Antara Budaya Terhadap Prestasi Kerja	100

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
2.1	Model Hubungan Kompetensi Komunikasi Antara Budaya	44
2.2	Model Prestasi Kerja	48
2.3	Konseptual Rangka Kajian	54

**SENARAI SINGKATAN**

<b>SINGKATAN</b>	<b>PERKATAAN SINGKATAN</b>
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
SPS	Sekolah Pengajian Siswazah
AUM	<i>Anxiety/uncertainty Management</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UM	Universiti Malaya
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
VIF	Variance Inflation Factor

**SENARAI SIMBOL**

<b>SIMBOL</b>	<b>NAMA SIMBOL</b>
n	Kekerapan
%	Peratus
$\alpha$	Alpha
$\beta$	Beta
r	Nilai pekali
M	Min
SP	Sisihan Piawai



**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO. LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Borang Soal Selidik	138-144
B	Jadual Krejcie & Morgan	145
C	Histogram dan Plot Q-Q Ujian Taburan Normal	146

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Seseorang harus memahami budaya orang lain untuk menjadi seorang yang kompeten dalam komunikasi antara budaya. Namun pemahaman ini sering diganggu oleh fakta bahawa apabila seseorang telah terbiasa berkembang dengan budaya mereka sendiri sahaja maka ia adalah lebih sukar bagi mereka untuk memahami tentang budaya luar. Dalam konteks Malaysia, budaya memainkan peranan yang besar dalam komunikasi. Budaya mempengaruhi komunikasi dalam pelbagai cara. Walau bagaimanapun, dengan adaptasi, tingkah laku tertentu mungkin kelihatan sesuai kepada budaya lain, bergantung kepada sejauh mana seseorang itu mampu untuk menggunakan kemahirannya atau kompetensinya dalam berkomunikasi melepasi budaya.

Dalam konteks globalisasi, apabila ramai individu yang perlu bekerja dan belajar di luar negara, cabaran utama yang harus mereka tempuh ialah bagaimana untuk berinteraksi dengan berkesan dengan individu dari negara yang berlainan dan bagaimana untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran dan budaya baru, peraturan baru, dan prinsip baru. Seseorang individu haruslah membuktikan keupayaannya untuk menyesuaikan diri dengan betul dalam persekitaran budaya yang baru, dan haruslah menjalin hubungan interpersonal dengan individu dari kumpulan sosial yang berbeza (Ramona, 2012). Stone (2006) telah menggariskan kepentingan

individu untuk memiliki keupayaan dalam berhubung dengan individu dari pelbagai budaya disebabkan kemunculan ekonomi yang lebih global, pasaran dan pakatan antarabangsa, profil budaya kebanyakan masyarakat yang semakin meningkat seluruh dunia, dan pengantarabangsaan program pendidikan dan institusi.

Dalam dunia di mana sempadan negara semakin terhakis, dan di mana kepelbagaian budaya semakin bertambah dan berkembang dalam negara, perkaitan antara kecekapan antara budaya bagi dasar pendidikan tidak dapat dipertikaikan lagi. Masalah ekonomi, politik, dan permasalahan pekerjaan di negara asal menyebabkan kebanyakan pelajar antarabangsa lebih cenderung untuk tinggal dan bekerja di luar negara setelah tamat belajar. Permintaan dari pelajar luar negara untuk menyambung terus pembelajaran bagi program siswazah juga semakin bertambah. Kebanyakan pelajar memilih untuk meneruskan pengajian tinggi mereka di luar negara bertujuan mendapatkan pengalaman baru, sistem pendidikan yang baru, serta mempelajari budaya yang lain daripada negara asal mereka (Ahmad & Weerakkody, 2011). Pengantarabangsaan pendidikan juga telah membawa kepada peningkatan yang ketara dalam kepentingan persefahaman antara budaya dan kecekapan untuk pelajar dan kakitangan dalam persekitaran universiti.

Disebabkan pentingnya pemahaman tentang kecekapan dan pemahaman tentang budaya lain di arena dunia yang semakin kompleks dan berteraskan teknologi, institusi pendidikan menghadapi cabaran untuk membangunkan pemahaman berkaitan kecekapan antara budaya. Bagi merealisasikan matlamat pengantarabangsaan, pelajar dan kakitangan institusi pendidikan harus membangunkan hubungan peribadi dan budaya melalui dialog kerjasama, timbal balik, di mana semua persepsi perbezaan diiktiraf, termasuk, dihormati, dan dihargai (Grey, 2002). Namun, persoalannya mampukah kakitangan institusi pendidikan berkomunikasi antara budaya dengan kompeten? Dan adakah ia akan memberi kesan kepada prestasi kerja mereka? Persoalan-persoalan ini harus ditinjau untuk mengetahui tahap kompetensi komunikasi antara budaya khususnya dalam kalangan kakitangan di Sekolah Pengajian Siswazah (SPS).

Oleh itu, adalah penting bagi pihak pentadbiran universiti dilengkapi dengan pengetahuan dalam isu berkaitan kemampuan berkomunikasi, perkongsian realiti atau inter-subjektiviti dan kesedaran terhadap tanggapan berbudaya sebagai persediaan menghadapi pelajar tidak kira dari luar negara mahupun pelajar tempatan (Ahmad & Weerakkody, 2011). Kajian ini akan mengupas lebih mendalam lagi tentang tahap kompetensi komunikasi antara budaya dan kesannya terhadap prestasi kerja.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Tahap kesedaran yang tinggi mengenai kepentingan hubungan di antara budaya di zaman globalisasi ini, lebih cenderung untuk membuat orang ramai lebih mahir dan cekap dalam komunikasi antara budaya. Komunikasi antara budaya yang berkesan merupakan satu kemahiran global yang penting melalui peningkatan interaksi dengan individu yang mempunyai latar belakang budaya yang berbeza (Knutson & Posirisuk, 2006). Banyak kajian yang menyoal graduan, majikan, dan pekerja menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi antara budaya adalah salah satu aspek utama yang perlu ditingkatkan di kalangan pekerja dan graduan baru (Morreale et al., 2000).

Kajian mengenai kemahiran komunikasi antara budaya ini sangat luas kerana secara umumnya, setiap manusia akan berkomunikasi di antara satu sama lain di dalam kehidupan seharian. Terdapat banyak kajian tentang kompetensi komunikasi antara budaya ini telah dilakukan dalam pelbagai bidang (Hashim Fauzy, 2001; Larkey, 1996; Roselina, Syed Azizi & Mohd Yusoff, 2002). Sebagai contoh, di dalam sesebuah organisasi kebiasaannya akan wujud perbezaan nilai di kalangan ahli organisasi disebabkan oleh perbezaan budaya. Perbezaan budaya ini akan menyebabkan konflik akan berlaku jika terdapat masalah dalam berkomunikasi. Contohnya, terdapat satu kajian oleh Polat dan Metin (2012) di Turkey tentang

hubungan antara tahap kompetensi antara budaya dengan strategi dalam menyelesaikan masalah di antara guru dan pelajar yang datang dari pelbagai budaya. Kajian merumuskan bahawa guru perlu menjadi individu yang mampu untuk menyelesaikan konflik-konflik dengan cekap bagi memenuhi pembelajaran pelajar-pelajar yang datang dari budaya yang berbeza. Kurangnya kecekapan tentang perbezaan budaya menyebabkan prejudis terhadap kumpulan budaya lain dan ahli-ahli mereka dan ia boleh membawa kepada konflik antara budaya. Seperti yang dilihat melalui hasil kajian, kecekapan antara budaya mempunyai kesan yang besar dalam menentukan strategi penyelesaian konflik di mana mereka sebagai guru akan lebih cekap mengendalikan strategi penyelesaian masalah.

Terdapat juga kajian tentang kompetensi komunikasi antara budaya dalam bidang kepimpinan. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Gadolfi (2012) di Amerika, telah membincangkan tentang bagaimana kompetensi komunikasi antara budaya mampu memberi impak terhadap kepimpinan yang berkesan. Perbezaan dalam budaya kebangsaan mengenakan had terhadap gaya dan taktik komunikasi pemimpin. Sesetengah budaya tertentu berbeza dalam tingkah laku berkomunikasi, motivasi mereka untuk mengumpul atau menyebarkan maklumat. Oleh itu, pemimpin seharusnya berkomunikasi antara budaya dengan cekap untuk memimpin dengan berkesan kerana keupayaan untuk mencipta dan berkomunikasi visi yang berinspirasi adalah kritikal kepada kejayaan sesuatu organisasi. Ini juga bermaksud kaedah atau gaya komunikasi amat penting dan jelas ianya dapat menentukan sama ada mesej dari pemimpin dapat diterima oleh individu bawahan atau tidak. Kecekapan dalam komunikasi antara budaya boleh membantu dalam menganalisis dan meramalkan strategi komunikasi yang berkesan dan strategi kepimpinan transformasi yang berpengaruh dalam seluruh konteks budaya yang berbeza.

Kajian dalam bidang kompetensi antara budaya juga menjadi satu tarikan kepada Washington, Okoro dan Thomas (2012) yang telah menjalankan kajian terhadap komunikasi antara budaya dalam perniagaan global. Menurut kajian ini, kajian sebelumnya (O'Rourke, 2010; Bovee & Thill, 2010; Carte & Fox, 2008) telah mengesan beberapa kegagalan usaha dalam perniagaan antarabangsa kepada beberapa faktor iaitu, kekurangan kemahiran dan kecekapan antara budaya, dan

ketidakupayaan untuk berkomunikasi dengan berkesan di peringkat global. Negara-negara di dunia kini menjadi semakin saling bergantung dan saling berhubung kerana pasaran global dan keperluan pengguna yang pelbagai. Ia adalah penting untuk organisasi dan negara-negara yang mengambil bahagian menghargai perbezaan budaya antara satu sama lain bagi memastikan pertumbuhan dan kemampanan dalam perniagaan antarabangsa. Pengurus yang dikalangan pelbagai budaya dari negara-negara yang terlibat dalam rundingan perdagangan antarabangsa perlu memahami perbezaan budaya negara masing-masing dan berkomunikasi secara kompeten di antara budaya bagi menguruskan perbezaan budaya dengan lebih berkesan seterusnya merapatkan jurang komunikasi di antara mereka.

Apabila membincangkan tentang komunikasi antara budaya khususnya di Institut Pengajian Tinggi, terdapat kewujudan pelbagai budaya iaitu pelajar antarabangsa yang datang dari pelbagai negara untuk menuntut pengajian tinggi mereka. Kemungkinan wujudnya masalah komunikasi di kalangan kakitangan dan pelajar asing ini pasti akan berlaku disebabkan oleh perbezaan bahasa dan budaya dan seterusnya akan memberi kesan kepada prestasi kerja mereka. Oleh yang demikian, kajian mengenai hubungan antara kompetensi komunikasi antara budaya ini dilakukan terhadap kakitangan di Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) di lima buah universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia. Kajian yang berkisarkan tentang tahap kompetensi komunikasi dan hubungannya dengan prestasi kerja ini diharapkan akan memberi pelbagai manfaat kepada mereka dalam memberi gambaran yang lebih jelas dalam membantu kakitangan di SPS menyedari kepentingan kompetensi dalam komunikasi antara budaya yang sekaligus boleh meningkatkan prestasi kerja mereka.

### **1.3 Latar Belakang Organisasi**

Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) menyediakan program akademik yang seimbang untuk Ijazah Sarjana dan Ph.D. bagi pelajar-pelajar siswazah ijazah. Pengajian siswazah adalah penting kepada teras perniagaan universiti dan membolehkan universiti untuk membentuk pelajar menjadi seseorang yang profesional dan berpengetahuan di mana mereka mampu melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta dapat memenuhi cabaran-cabaran yang berkaitan industri dan organisasi. Pembangunan profesional ini dapat membantu dalam memenuhi keperluan sumber manusia di negara ini.

SPS memantau dan merangka dasar yang berkaitan dengan pembangunan pengajian siswazah dan menyelaras fakulti untuk membangunkan dan meningkatkan kualiti pendidikan siswazah. Pengajian siswazah menawarkan peluang untuk mengembangkan pengetahuan dan meningkatkan kepakaran dalam bidang tertentu. SPS juga menawarkan rangka kerja fleksibel untuk membantu pelajar mencapai objektif yang dikehendaki mereka.

SPS memupuk dan membangunkan komuniti pembelajaran ilmiah dan pengetahuan, dan juga mencari serta meneroka semua bentuk dan sempadan ilmu melalui tahap yang lebih tinggi. Ia juga beroperasi sebagai saraf pusat pendidikan dalam peringkat ijazah di institusi, dan bertanggungjawab bagi perlaksanaan dan pengurusan pentadbiran secara keseluruhan. Ia menyelaras dan merangka dasar kemasukan akademik dan peraturan-peraturan, serta menyediakan sokongan untuk memudahkan penyelidikan dan pembelajaran di kalangan pelajar pascasiswazah. Pengajian siswazah akan menyediakan pelajar untuk membangunkan kerjaya mereka sendiri. Pengetahuan dan kemahiran tambahan yang diperolehi melalui pengajian siswazah akan meletakkan mereka lebih banyak langkah ke hadapan dalam bentuk kebolehan untuk memenuhi keperluan majikan. Pengajian siswazah juga akan menjadikan individu lebih yakin dan bebas untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti keusahawanan mereka sendiri.

#### 1.4 Pernyataan Masalah


Di dalam dunia pekerjaan yang semakin global pekerja seharusnya berinteraksi dengan berkesan dan efektif dengan individu yang mempunyai nilai-nilai, norma, dan tingkah laku yang berbeza di dalam organisasi mereka. Rogers dan Rogers (1976) menyatakan bahawa komunikasi adalah nadi sesebuah organisasi. Jika tiada aliran komunikasi dalam organisasi, maka sesebuah organisasi tidak dapat diwujudkan. Pada masa kini organisasi semakin menyedari bahawa untuk berjaya di masa hadapan, pekerja yang kompeten atau cekap dalam berkomunikasi dengan individu-individu dari kalangan pelbagai budaya amat diperlukan. Hal ini telah lama dibincangkan bahawa organisasi yang berfungsi dengan berkesan bergantung terutamanya pada kecekapan dalam komunikasi (Bavelas & Barret, 1951).

Selaras dengan perkembangan dunia global, Malaysia telah menjadi salah sebuah destinasi penting dalam dunia pendidikan pengajian tinggi. Pengantarabangsaan program pendidikan dan institusi telah membawa kepada perkembangan kepelbagaian budaya di mana terdapat peningkatan jumlah pelajar antarabangsa yang datang untuk menyambung pembelajaran bagi program siswazah. Umumnya pelajar antarabangsa memilih untuk belajar di luar negara kerana ingin mendapat pengalaman, sistem belajar, dan budaya baru (Mohamad Kamal Harun, 2009). Selain itu, pelajar antarabangsa berpendapat bahawa negara yang dipilih dapat menyediakan pelajaran yang bermutu dan lebih baik daripada negara asal (Ka Ho Mok, 2011).

Trend menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang ketara bagi pelajar antarabangsa yang melanjutkan pelajaran mereka ke institut pengajian tinggi awam Malaysia. Berdasarkan Jadual 1.1 unjuran enrolmen pelajar antarabangsa pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan akan berlaku dari jumlah 19 895 orang pada tahun 2009 kepada 28 433 orang pada tahun 2012. Kebanyakan universiti tempatan sedang bekerja keras untuk merekrut lebih ramai pelajar antarabangsa pada tahun-tahun yang akan datang (Laporan Akhir Kajian Pelajar Antarabangsa, 2009).



**Jadual 1.1:** Unjuran enrolmen pelajar antarabangsa di IPTA dari tahun 2009 hingga 2012



Ekoran kemasukan pelajar antarabangsa yang kian meningkat, institusi pendidikan memerlukan persediaan yang mantap dari segi infrastruktur, pendedahan budaya tempatan dan kesediaan warga institusi dalam menerima pelajar antarabangsa bagi memastikan kepuasan pelajar antarabangsa khususnya terhadap perkhidmatan yang diberi atau disediakan. Hal ini disebabkan oleh pelajar antarabangsa ini akan membawa imej universiti, sebagai contoh apabila mereka berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, mereka akan menarik minat rakan senegara untuk menyambung pelajaran ke peringkat tertinggi di universiti di mana mereka belajar.

Namun dengan kemasukan pelajar antarabangsa ini, wujudnya beberapa halangan dalam komunikasi terutamanya antara pelbagai budaya. Permasalahan yang sering berlaku ialah pentadbir dan kakitangan akademik kekurangan kesedaran dan penglibatan dengan kepelbagaian budaya iaitu dengan pelajar antarabangsa (Mohamad Kamal Harun, 2009). Ia menyebabkan berlakunya permasalahan dalam komunikasi iaitu terdapat perbezaan bahasa dan apabila gaya perbualan bertentangan dengan norma budaya individu yang diinteraksi. Halangan ini berkaitan dengan proses sosialisasi. Sesetengah kakitangan tidak tahu mengenai budaya lain dan tidak mahu mengambil tahu tentang budaya lain (Mohamad Kamal Harun, 2009).

Kakitangan Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) khususnya yang sentiasa berurusan dengan pelajar antarabangsa, seharusnya kompeten dalam berkomunikasi di antara budaya kerana ia juga adalah sebahagian daripada tugas mereka dan supaya tugas yang dijalankan dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Selain daripada itu, hasil temu bual oleh pengkaji dengan beberapa orang kakitangan SPS menunjukkan bahawa kadang kala mereka berasa tertekan dalam berurusan dengan pelajar antarabangsa ini disebabkan kurangnya pengetahuan mereka dengan bahasa lisan mahupun bukan lisan yang digunakan oleh pelajar antarabangsa. Setiap pelajar antarabangsa yang berasal dari negara yang berbeza juga mempunyai kehendak, karenah dan juga perangai yang berbeza-beza.

Dengan komunikasi yang kurang berkesan, ia boleh menimbulkan pelbagai masalah dalam menjalankan tugas. Hal ini menyebabkan berlakunya perasaan risau dan tidak pasti di kalangan kakitangan SPS apabila pelajar antarabangsa berurusan dengan mereka kerana mereka risau tidak dapat berkomunikasi dengan baik. Masalah ini juga akan menyebabkan mereka tidak pasti dengan keupayaan mereka untuk meramal hasil kerja mereka hasil daripada urusan mereka dengan pelajar antarabangsa. Ketidajelasan perasaan dan emosi yang di alami akan menyebabkan mereka sukar untuk melaksanakan tugasnya dengan baik seterusnya boleh memberi kesan kepada prestasi kerja.

Antara halangan lain yang kebiasaannya berlaku dalam komunikasi antara budaya ialah stereotaip, prejudis, dan etnosentrisme. Stereotaip berlaku apabila seseorang mencuba untuk meramal dan menjangkakan apa yang akan dilakukan oleh orang lain untuk mengurangkan ketidakpastian. Ia boleh menjadi halangan dalam komunikasi antara budaya kerana ia adalah sifat yang terlalu mempermudah atau memperbesarkan sesuatu situasi (Samovar & Porter, 2004). Stereotaip akan menyebabkan individu akan menyalahafsirkan sesuatu mesej yang diterima dari individu yang berbeza atau berlainan budaya (Gudykunst, 1991). Prejudis merujuk kepada sikap negatif terhadap orang lain (Lustig & Koester, 1999). Ia adalah

pertimbangan yang dilakukan terhadap orang lain tanpa bukti yang mencukupi untuk menyokong pendapat masing-masing (Bolgat, 2005).

Etnosentrisme juga adalah masalah dalam komunikasi antara budaya kerana kepercayaan ini membawa individu untuk berfikir bahawa budaya yang dianuti sendiri adalah lebih baik daripada budaya lain (Jandt, 2004; Lustig & Koester, 1999) dan menghakimi orang lain mengikut piawai budaya mereka sendiri (Jandt, 2004; Linde, 1997). Gundykunst dan Kim (1997) mengatakan bahawa individu yang mempunyai minda etnosentrik berfikir bahawa cara hidup mereka adalah betul dan cara hidup budaya lain adalah salah.

Kesemua masalah ini menyebabkan penyalahafsiran mesej oleh penerima dan juga mempengaruhi pengkodan mesej oleh sumber. Dalam erti kata lain, perbezaan budaya mempengaruhi keupayaan berkomunikasi dengan ahli budaya lain iaitu kompetensi komunikasi antara budaya. Masalah komunikasi antara budaya juga boleh mempengaruhi keberkesanan pengurusan apabila para pekerja tidak memahami mesej dan arahan yang disampaikan disebabkan halangan-halangan di atas. Oleh sebab komunikasi merupakan aspek pengurusan yang paling penting bagi menjalankan semua aktiviti organisasi, hal ini pasti menjejaskan prestasi organisasi dan membawa kesan buruk ke atas aspek-aspek seperti motivasi, kepuasan kerja, tahap prestasi kerja, iklim organisasi, semangat kerja berpasukan dan sebagainya (Hashim Fauzy, 2001).

Banyak hasil kajian menyatakan kompetensi komunikasi antara budaya akan mempengaruhi prestasi kerja (Payne, 2005; Chairsakoe & Speece, 2004; Scudder & Guillani, 1989, Manthienvichienchai et al., 2002, Sizoo et al., 2005). Jika pekerja mempunyai motivasi, pengetahuan dan kemahiran dalam berkomunikasi antara budaya dan jika ia bersesuaian bagi sesebuah organisasi maka atribusi kecekapan ini boleh memberikan hasil yang positif terhadap organisasi seperti peningkatan tahap produktiviti dan juga prestasi kerja (Payne, 2005). Selain itu, Chairsakoe & Speece (2004) menyatakan bahawa kompetensi komunikasi antara budaya yang tinggi dapat

membantu jurujual menjalankan tugas dengan lancar dan berkesan iaitu dalam proses perundingan jual beli yang dijalankan oleh mereka. Manakala dalam kajian Manthienvichienchai et al. (2002), beliau menyatakan bahawa dimensi pengetahuan, motivasi, dan kemahiran adalah dimensi yang paling dominan dalam kompetensi komunikasi antara budaya di mana ia adalah perkara yang penting dalam pengurusan sekolah atau pendidikan antarabangsa.

Seterusnya melihat kepada persekitaran masa kini, di mana dalam era globalisasi ini, keperluan kompetensi komunikasi antara budaya adalah sangat penting bagi membolehkan pekerja dan organisasi memenuhi keperluan pelanggan dan juga dapat bersaing di peringkat global. Senario ini serba sedikit berlaku di institute pengajian tinggi, ini menimbulkan minat pengkaji untuk melihat adakah kompetensi komunikasi antara budaya yang dimiliki oleh kakitangan Sekolah Pengajian Siswazah di lima universiti bertaraf penyelidikan ini mempunyai hubungan dengan prestasi kerja mereka.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian adalah berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, kajian yang dijalankan ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut:

- 1.5.1** Apakah tahap kompetensi komunikasi antara budaya dalam kalangan kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia?
- 1.5.2** Apakah tahap prestasi kerja dalam kalangan kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia?
- 1.5.3** Apakah hubungan antara kompetensi komunikasi antara budaya dengan prestasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia?
- 1.5.4** Apakah sumbangan dimensi pengetahuan terhadap prestasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia?
- 1.5.5** Apakah sumbangan dimensi motivasi terhadap prestasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia?
- 1.5.6** Apakah sumbangan dimensi kemahiran terhadap prestasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia?

## **1.6 Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama di mana setiap satu daripadanya akan menjawab setiap persoalan bagi kajian yang dijalankan. Objektif-objektif tersebut adalah seperti berikut:

- 1.6.1 Mengenal pasti tahap kompetensi komunikasi antara budaya dalam kalangan kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia.
- 1.6.2 Mengenal pasti tahap prestasi kerja dalam kalangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia.
- 1.6.3 Mengenal pasti hubungan antara kompetensi komunikasi antara budaya dengan prestasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia.
- 1.6.4 Mengenalpasti sumbangan dimensi pengetahuan terhadap prestasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia
- 1.6.5 Mengenalpasti sumbangan dimensi motivasi terhadap prestasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia
- 1.6.6 Mengenalpasti sumbangan dimensi kemahiran terhadap prestasi kerja kakitangan SPS di universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Pertama, kajian ini penting untuk memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia). Kajian ini juga memberi gambaran yang lebih jelas tentang masalah komunikasi dengan individu dari pelbagai budaya yang dihadapi oleh kakitangan SPS untuk meningkatkan lagi tahap kompetensi komunikasi antara budaya mereka dengan pelajar antarabangsa di universiti masing-masing.

Bagi pihak organisasi yang dipilih pula, kajian ini dapat membantu pihak pentadbiran di universiti yang terlibat mengetahui tahap kompetensi komunikasi antara budaya bagi kakitangan SPS ini, juga membantu pihak universiti mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi punca kepada masalah komunikasi antara budaya yang berlaku di kalangan kakitangan SPS dan pelajar antarabangsa. Perkara seperti ini harus diambil berat bagi membantu mereka dalam berkomunikasi dengan lebih cekap dan kompeten dengan individu dari pelbagai budaya khususnya pelajar antarabangsa. Hasil kajian juga boleh memberi kesedaran kepada mereka mengenai kepentingan kompetensi komunikasi antara budaya terhadap prestasi pekerja dan mempunyai keputusan sama ada untuk membuat beberapa perubahan seperti memberi atau mereka bentuk program latihan dan pembangunan yang bersesuaian dengan keperluan. Di samping itu, penyelidikan ini boleh digunakan oleh organisasi dalam bersaing dengan pesaing lain mahupun mengekalkan reputasi institusi pengajian mereka.

Dari segi akademik, penyelidikan ini membantu penyelidik untuk memahami tahap kompetensi komunikasi antara budaya dan hubungannya terhadap prestasi kerja dalam kalangan kakitangan SPS di lima buah universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia. Ia juga memberi panduan kepada universiti-universiti tempatan yang lain jika mereka ingin mengkaji dan meningkatkan perkhidmatan dan fasiliti untuk pelajar antarabangsa, seterusnya memberi input kepada sistem pendidikan negara dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang bermutu selaras dengan negara terkemuka yang lain. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi bimbingan kepada pengkaji akan datang sekiranya mereka ingin membuat kajian yang berfokus kepada komunikasi antara budaya. Kajian ini dapat menyumbang kepada penambahan ilmu pengetahuan terhadap setiap objektif kajian yang dijalankan. Kajian ini juga dapat membuka minda kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk mendalami isu ini dengan lebih jelas dan terperinci.

## 1.8 Skop Kajian

Skop kajian adalah merupakan satu panduan kepada pengkaji bagi memudahkan kajian dijalankan mengikut skop yang tertentu sahaja. Skop juga memudahkan pengumpulan maklumat yang hanya tertumpu kepada responden yang dipilih. Kajian ini dijalankan di SPS di lima buah universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia iaitu Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia. Sampel kajian yang akan membantu dalam kajian ini ialah terdiri daripada kakitangan di bahagian pengurusan dan pentadbiran. Mereka bertanggungjawab dalam menguruskan masalah atau urusan yang berkaitan dengan pengajian siswazah terhadap pelajar antarabangsa mahupun tempatan. Pelajar antarabangsa ini datang dari pelbagai negara seperti Iran, China, Indonesia, dan lain-lain dan mereka terdiri daripada pelbagai pengalaman, latar belakang, bahasa, budaya, dan agama yang berbeza. Ini akan memberi input tentang tahap kompetensi komunikasi antara budaya khususnya di kalangan kakitangan SPS di mana mereka sentiasa berkomunikasi dengan budaya yang berbeza iaitu dengan pelajar antarabangsa.

Untuk itu, seramai 145 orang kakitangan SPS dari lima buah universiti bertaraf penyelidikan di Malaysia yang dipilih akan dijadikan responden dalam kajian ini. Terdapat dua pembolehubah dalam kajian ini iaitu kompetensi komunikasi antara budaya dan prestasi kerja. Dalam pembolehubah kompetensi komunikasi antara budaya, dimensi-dimensi yang terdapat dalamnya ialah pengetahuan, kemahiran dan motivasi. Oleh yang demikian, kajian ini hanya tertumpu kepada elemen-elemen yang terdapat dalam pembolehubah tidak bersandar iaitu kompetensi komunikasi antara budaya dan pembolehubah lain yang dinyatakan sahaja.



## **1.9 Definisi Konseptual dan Operasional**

Definisi konseptual dan operasional yang mendukungi tajuk kajian iaitu “Kompetensi Komunikasi Antara Budaya dan Prestasi Kerja dalam kalangan kakitangan Sekolah Pengajian Siswazah” haruslah dikupas dahulu. Definisi-definisi yang perlu diperjelaskan ialah ‘kompetensi komunikasi antara budaya’, dan ‘prestasi kerja’.

### **1.9.1 Definisi Konseptual**

#### **1.9.1.1 Kompetensi Komunikasi Antara Budaya**

Komunikasi antara budaya bermaksud individu dari latar belakang budaya yang berbeza berinteraksi antara satu sama lain. Budaya mempengaruhi nilai, kepercayaan, pandangan dunia, tingkah laku bukan lisan, bahasa, dan bagaimana untuk mempunyai hubungan dengan orang lain (Liamputtong, 2010). Dengan kata lain atau lebih tepat lagi, komunikasi antara budaya melibatkan interaksi antara orang yang mempunyai persepsi budaya dan sistem simbol yang berbeza untuk mengubah acara komunikasi. Perbezaan dari segi bahasa, makanan, sikap, tabiat kerja, tingkah laku sosial, dan sebagainya boleh menyebabkan banyak pergaulan antara budaya tidak berlaku dengan efektif (Samovar & Potter, 2004). Kompetensi komunikasi antara budaya merupakan kemampuan individu dalam menguruskan beberapa bentuk cabaran dari pelbagai budaya. Walau bagaimanapun, kecekapan antara budaya bukan sahaja ditakrifkan sebagai pengetahuan mengenai pelbagai budaya, tetapi juga sebagai kesedaran mengenai perbezaan budaya, kepercayaan, toleransi, dan kemahiran interpersonal dalam usaha untuk mengelakkan salah faham (Zimmermann, 2010).

### **1.9.1.2 Prestasi Kerja**

Prestasi kerja didefinisikan oleh kebanyakan orang sebagai apa yang dilakukan oleh individu di tempat kerja dan ia sentiasa dianggap sebagai faktor penting dalam pengurusan pekerja. Prestasi kerja telah dikaitkan dengan keupayaan individu merealisasikan matlamat kerja masing-masing, memenuhi jangkaan serta mencapai sasaran kerja atau piawaian yang ditetapkan oleh organisasi (Eysenck, 1998; Maathis & Jackson, 2000; Bohlander et al., 2001). Pencapaian tugas yang diberikan diukur dari segi piawaian yang telah ditetapkan yang dikenali ketepatan, kesempurnaan, kos, dan kelajuan dalam menyelesaikan tugas. Dalam sesuatu kontrak, prestasi disifatkan sebagai kewajipan yang harus dipenuhi oleh pekerja, untuk melepaskan pekerja dari semua liabiliti di dalam kontrak. Prestasi pekerja adalah satu sistem penarafan yang digunakan dalam kebanyakan syarikat untuk menentukan kebolehan dan mengukur produktiviti pekerja. Ia merupakan satu kriteria yang amat penting yang berkaitan dengan hasil dan kejayaan sesebuah organisasi.

## **1.9.2 Definisi Operasional**

### **1.9.2.1 Kompetensi Komunikasi Antara Budaya**

Dalam konteks kajian ini, kompetensi komunikasi antara budaya bermaksud bagaimana tahap kemampuan kakitangan Sekolah Pengajian Siswazah dalam menguruskan cabaran dari pelbagai budaya terutamanya dalam berkomunikasi dengan pelajar antarabangsa. Dimensi-dimensi yang terdapat dalam kompetensi komunikasi antara budaya ialah pengetahuan, kemahiran, dan motivasi (Hashim Fauzy, 2008).

**a) Pengetahuan**

Pengetahuan bermaksud mengetahui tingkah laku yang paling sesuai untuk situasi yang diberikan dan mengenali amalan komunikasi yang sesuai. Ia merujuk kepada kesedaran atau kefahaman tentang maklumat dan tindakan yang diperlukan untuk menjadi kompeten terhadap silang budaya (Wiseman, 2002). Menurut Matveer dan Milter (2004), pengetahuan berkaitan dengan budaya termasuklah maklumat budaya umum seperti amalan-amalan budaya, maklumat budaya khusus, dan maklumat budaya orang asing. Selain daripada itu, pengetahuan ini juga terdiri daripada pengetahuan tentang bahasa dan pengetahuan tentang budaya umum.

ii) Pengetahuan tentang bahasa

Menurut Kupka, Everett dan Wildermuth (2007), kompetensi berbahasa asing mempunyai prinsip yang sama dengan kemahiran dan pengetahuan. Ia adalah prinsip saling bergantung antara satu sama lain. Ini dapat dibuktikan dengan melihat kepada pengetahuan yang berkaitan dengan tatabahasa dan kosa kata. Kemahiran pula adalah berkaitan dengan sebutan dan kefasihan, manakala motivasi pula adalah berkaitan dengan motivasi seseorang dalam menggunakan bahasa asing. Selain daripada itu juga, seseorang itu perlulah mempunyai pengetahuan tentang bahasa semantik, sintesis dan juga makna setiap apa yang dikatakan (Samovar dan Porter, 1994).

ii) Pengetahuan tentang budaya umum

Menurut Zion dan Kozleski (2005), memahami sesuatu budaya adalah suatu perkara yang kritikal dan sukar kerana ia melibatkan nilai, kepercayaan, tingkahlaku dan sensitiviti sesuatu budaya. Maka, pengetahuan tentang budaya umum adalah sangat penting dalam menyebabkan berlakunya komunikasi berkesan.

**b) Motivasi**

Motivasi merujuk kepada perasaan, hasrat, keperluan, yang dikaitkan dengan jangkaan atau penglibatan sebenar individu dalam kemahiran komunikasi antara budaya. Ia adalah keinginan untuk berkomunikasi dengan cara yang cekap dan keinginan berkomunikasi dengan cara yang berkesan dan sesuai (Wiseman, 2002). Dalam konteks motivasi, ia juga melihat kepada kehendak untuk berinteraksi, kehendak menghadapi perbezaan, dan kehendak menghadapi stress.

**i) Kehendak untuk berinteraksi**

Menurut Samovar dan Porter (1994), untuk meningkatkan motivasi komunikator, dan meningkatkan kompetensi untuk berkomunikasi adalah suatu perkara yang mudah. di mana semakin tinggi keinginan seseorang itu untuk berkomunikasi dengan berkesan maka semakin tinggi kemungkinan atau kebarangkalian untuk seseorang itu dapat melihat diri sendiri dan boleh dilihat oleh orang lain sebagai kompeten dalam berkomunikasi.

**ii) Kehendak menghadapi perbezaan**

